

16 JAN 1998

KETUA IMF PUJI LANGKAH-LANGKAH EKONOMI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia untuk mengatasi masalah ekonomi negara setakat ini adalah baik.

Beliau berkata kerajaan telah menerima pakai langkah-langkah itu pada waktu yang bersesuaian.

"Saya memberitahu Perdana Menteri mengenai penghargaan saya terhadap pelaksanaan langkah-langkah itu yang kena pada masanya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Camdessus tiba di sini semalam bagi lawatan selama dua hari. Beliau mengunjungi beberapa negara Asia termasuk Korea Selatan dalam usahanya untuk meringankan krisis ekonomi yang dihadapi rantau ini.

Camdessus berkata beliau menghargai dan menyambut baik langkah jimat cermat yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia seperti yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 5 Dis tahun lalu.

Langkah-langkah itu termasuklah pemotongan 18 peratus dalam perbelanjaan kerajaan, mengurangkan kadar pertumbuhan ekonomi daripada tujuh peratus kepada antara empat dan lima peratus, membendungkan pertumbuhan kredit dan memastikan pinjaman hanya disalurkan kepada sektor yang produktif sahaja.

Camdessus berkata langkah-langkah sedemikian memang diperlukan dan dilaksanakan tepat pada masanya.

"Kami telah mengulas mengenai prospektif negara ini (Malaysia) dan cara untuk membantu bagi memulih daripada kelembapan ekonomi ketika ini serta mengukuhkannya, bagi mencapai pertumbuhan mapan seperti yang dicita-citakan oleh Perdana Menteri Dr Mahathir terhadap negaranya," katanya.

Ketua IMF itu berharap Malaysia mampu menangani krisis ekonominya dengan sendiri tanpa perlu bergantung kepada sokongan antarabangsa.

Ditanya mengenai kenyataannya di Singapura baru-baru ini bahawa dasar Malaysia tidak cukup baik untuk menangani masalah ekonominya, Camdessus berkata beliau akan menjelaskan berhubung perkara itu ketika persidangan akhbar yang dijadualkan petang ini, di sini.

"Saya akan bersedia untuk memberitahu anda mengenai perkara itu dan sememangnya saya mempunyai beberapa kebimbangan. Jika saya tidak ambil berat mengenai Malaysia, ia akan menjadi satu-satunya negara di dunia ini yang kurang diberi perhatian oleh saya, di mana anda (Malaysia) tidak sepatutnya terima," katanya.

Ketua IMF itu berkata beliau telah memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai kebimbangan, pandangan serta harapannya berhubung perkembangan krisis kewangan di rantau ini yang memberi kesan secara langsung terhadap Malaysia.

Beliau berkata telah memberikan taklimat ringkas kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru di Indonesia yang dianggap sebagai "cerah".

Beliau memuji kepimpinan dan wawasan yang ditunjukkan oleh Presiden Indonesia Suharto dalam menerima pakai langkah-langkah yang diumumkan di Jakarta semalam.

Camdessus dan Suharto memeterai satu memorandum bagi mempercepatkan pembaharuan untuk menangani kegawatan kewangan di Indonesia ketika kunjungan ketua IMF itu ke Jakarta semalam.

Memorandum itu menetapkan langkah-langkah baru yang mesti diambil oleh Indonesia di bawah pakej penyelamat kewangan bernilai AS\$43 bilion yang dipersetujui dengan IMF Oktober lalu.

Camdessus berkata perbincangannya dengan Perdana Menteri, yang dianggap sebagai seorang sahabat baik, membawa hasil.

"Kami membincangkan beberapa isu penting....sebagai sahabat baik, kami boleh berterus terang antara satu sama lain," katanya.

Camdessus kemudiannya mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai Bank Negara. Beliau dijadualkan berlepas ke Singapura lewat hari ini. --
BERNAMA

ES RN/MR ZK